

1. Para pengunjung perlu menaiki _____ untuk pergi ke Pulau Orang Utan.

- ☐ A kapal terbang
- ☐ B kapal selam
- ☐ C kereta api
- ☐ D bot laju



2. Para pekerja yang diberhentikan tanpa notis oleh pihak kilang itu akan dibayar _____.

- ☐ A duit kopi
- ☐ B ganti rugi
- ☐ C wang saku
- ☐ D wang hantaran

3. "Saya tidak mahu berhijrah ke bandar, _____ biarlah saya tinggal di kampung ini," kata Mak Temah kepada Pak Din.

- ☐ A pahit getir
- ☐ B habis akal
- ☐ C resah gelisah
- ☐ D susah senang

4. Puan Husna mengusahakan perniagaan makanan _____ sejak setahun yang lalu.

- ☐ A air batu
- ☐ B sejuk beku
- ☐ C hawa dingin
- ☐ D musim dingin

5. Malaysia telah dipilih sebagai _____ bagi persidangan OPEC pada hujung tahun depan.

- ☐ A tuan besar
- ☐ B tuan muda
- ☐ C tuan tanah
- ☐ D tuan rumah

6. Ketua ekspedisi itu telah memberikan taklimat dan penerangan yang _____ kepada ahli-ahlinya sebelum memulakan pendakian.

- ☐ A gagah perkasa
- ☐ B panjang lebar
- ☐ C tinggi rendah
- ☐ D susah payah

7. Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan suatu _____ khas untuk mengkaji kesan tsunami terhadap penduduk di negara ini.

- ☐ A kakitangan
- ☐ B suruhanjaya
- ☐ C pesuruhjaya
- ☐ D jawatankuasa

8. Suraya dan keluarganya amat _____ kepada penduduk kampung yang menghulu bantuan kepada mereka.

- ☐ A bertitik tolak
- ☐ B berjiwa besar
- ☐ C bertolak ansur
- ☐ D berterima kasih

9. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Sebelum pergi ke kebun, datuk menyuruh Fazrul mengasah parang itu dengan _____ sehingga tajam.

- ☐ A besi berani
- ☐ B damar batu
- ☐ C kayu pembaris
- ☐ D batu pengasah

10. Encik Jamal amat mahir _____ peralatan elektrik yang rosak kerana dia pernah bersekolah di sekolah beraliran teknikal.

- ☐ A membaik pulih
- ☐ B menyusun atur
- ☐ C mengambil alih
- ☐ D mencampur aduk

11. Farisya mempunyai impian untuk melanjutkan pelajaran ke _____ dalam bidang yang diminatinya.

- ☐ A menara berkembar
- ☐ B asrama sekolah
- ☐ C sekolah bestari
- ☐ D menara gading

12. Calon angkasawan itu akan menjalani latihan di suatu kawasan yang keadaannya sama seperti di _____ yang sebenar.

- ☐ A ruang tamu
- ☐ B ruang legar
- ☐ C ruang niaga
- ☐ D ruang angkasa

13. Pihak polis telah menahan dua orang suspek untuk tujuan _____ tentang kes ro _____ dan kedai emas.

☐ A soal selidik
☐ B soal siasat
☐ C soal jawab
☐ D soal balas

14. Sudah hampir satu jam setengah saya menunggu Fahim tetapi _____ nya pun masih belum nampak.

☐ A air muka
☐ B tubuh badan
☐ C sebatang kara
☐ D batang hidung

15. Laporan kerosakan _____ awam di Taman Baiduri telah diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan.

☐ A harta karun
☐ B harta benda
☐ C harta pusaka
☐ D barang kemas

16. Emak menggaul ayam-ayam itu dengan garam dan _____ sebelum digoreng di dalam kuah.

☐ A cili kering
☐ B gula pasir
☐ C beras perang
☐ D tepung jagung

17. Pak Cik Budi sering terlupa jalan untuk pulang ke rumahnya kerana _____ nya semakin lemah.

☐ A daya fikir
☐ B daya tahan
☐ C daya penarik
☐ D daya ingatan

18. Pada setiap hujung bulan, para pekerja akan tersenyum kerana mendapat gaji daripada hasil _____ mereka.

☐ A bekas tangan
☐ B suka duka
☐ C pahit getir
☐ D titik peluh

19. Harlina diminta oleh pensyarahnya untuk menyediakan borang _____ tentang tahap penerimaan pelajar terhadap sistem meritokrasi.

☐ A soal balas
☐ B soal jawab
☐ C soal siasat
☐ D soal selidik

20. "Kamu haruslah menjaga _____ semasa berada di rumah orang," pesan emak kepada kakak.

- ☐ A sopan santun
- ☐ B adat istiadat
- ☐ C tingkah laku
- ☐ D budi bicara